

Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM)

Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) ialah majlis yang ditubuhkan untuk merancang dan memantau perkembangan bahasa Melayu/Indonesia di rantau ini.

MABBIM merupakan badan kebahasaan serantau yang dianggotai oleh tiga negara, iaitu Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia. Asalnya badan ini dinamai Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM), yang ditubuhkan pada 29 Disember 1972, setelah satu Pernyataan Bersama ditandatangani oleh Allahyarham Tun Hussein Onn, Menteri Pendidikan Malaysia, dan Bapak Mashuri S.H. Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, pada 23 Mei 1972 di Jakarta.

Dalam bidang usaha bersama untuk mengembangkan bahasa kebangsaan masing-masing, yang meliputi masalah ejaan, istilah dan tatabahasa, kedua-dua kerajaan (Malaysia dan Indonesia) bersetuju untuk:

- i. Melaksanakan asas yang telah dipersetujukan antara para ahli dari kedua-dua negara pada 27 Jun 1967, tentang ejaan yang telah disempurnakan;
- ii. Merasmikan pelaksanaan ejaan tersebut melalui



pengumuman oleh menteri masing-masing pada waktu yang sama;

- iii. Membentuk suatu Jawatankuasa Tetap Bersama untuk mengembangkan bahasa kebangsaan masing-masing, dan jawatankuasa ini hendaklah mengadakan mesyuaratnya dari semasa ke semasa secara bergilir-gilir tempat antara kedua-dua negara; dan
- iv. Melindungi dan menghormati hak cipta pengarang-pengarang dari negara masing-masing, dan untuk itu membentuk Jawatankuasa Tetap Bersama Hak Cipta.

Nama MBIM menjadi MABBIM apabila Negara Brunei Darussalam menganggotai majlis ini pada 4 November 1985. Singapura pula menjadi negara pemerhati majlis sehingga kini.

Tujuan dan Fungsi MABBIM

- i. Meningkatkan semangat kebersamaan dan

persaudaraan antara negara anggota;

- ii. Meningkatkan peranan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota sebagai alat perhubungan yang lebih luas;
- iii. Mengusahakan pembinaan dan pengembangan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota supaya menjadi bahasa yang setaraf dengan bahasa moden yang lain;
- iv. Mengusahakan penyelarasan bahasa melalui penulisan ilmiah dan kreatif, pedoman dan panduan; dan
- v. Mengadakan pertemuan kebahasaan berkala demi penyelarasan dan pendekatan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota.

MABBIM pada hakikatnya mempunyai misi untuk membina dan mengembangkan bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu/Indonesia di ketiga-tiga buah negara anggota MABBIM menjadi bahasa peradaban tinggi, bahasa ilmu, bahasa sains, bahasa teknologi moden, bahasa perusahaan dan bahasa ekonomi. **DB**

Sumber: Buku cenderamata Sidang Ke-49 MABBIM